



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/06/25/0629 (13)
Tarikh : 30 Julai 2025

Yi Kin Construction Works Sdn Bhd
No 75 Persiaran Rapat Baru 20,
Taman Song Choon,
31350, Ipoh,
Perak.
(u.p.: Puan Noorkuntini Binti Khalid)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN IZIN LALU UNTUK BEKALAN AIR SEMENTARA UNTUK
PROJEK SKIM PERUMAHAN**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak **Majlis Daerah Tanjong Malim** dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM 5,508.00, seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-07-0629/25).
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 228.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama kepada Majlis Daerah Tanjong Malim .
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Wang Deposit MDTM .
iv.	Menyediakan semula lapisan struktur jalan seperti sedia ada dan pemotongan jalan hendaklah menggunakan mesin pemotong jalan sebelum kerja korekan jika kerja-kerja melibatkan pemotongan jalan sahaja
v.	Memaraskan semula bahu jalan dan tidak melonggokkan sisa korekan di bahu jalan
vi.	Pihak tuan perlu menyediakan surat akujanji yang menyatakan pihaknya tidak akan menuntut apa-apa kos pengalihan jika kerja-kerja pengalihan perlu dilakukan di masa akan datang



Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/06/25/0629 (15)
Tarikh : 30 Julai 2025

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN IZIN LALU UNTUK BEKALAN AIR SEMENTARA UNTUK PROJEK SKIM PERUMAHAN
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Bil.	Perkara
vii.	Tempoh sah permit adalah bermula dari tarikh surat ini iaitu 07 Julai 2025 sehingga 06 Januari 2026 dan sekiranya kerja-kerja tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh ini, pihak tuan dikehendaki mengemukakan permohonan lanjutan tempoh permit sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tamat tempoh permit ini,
viii.	Semua kerja-kerja korekan tanah hendaklah dijamin/dipastikan tidak mengganggu keselamatan harta benda kerajaan dan kestabilan tebing korekan serta perlu diselenggara dengan sempurna
viii.	Sekiranya pembentung dan longkang tersumbat disebabkan oleh kerja-kerja korekan, pihak tuan adalah bertanggungjawab untuk mencucinya. Sekiranya pihak tuan gagal melaksanakan kerja-kerja tersebut dalam tempoh 24 jam, pejabat ini berhak mengarahkan pemberhentian kerja serta-merta tanpa sebarang notis
x.	Sekiranya pihak pemohon gagal mematuhi segala syarat yang ditetapkan, pejabat ini berhak mengarahkan pemberhentian kerja serta merta tanpa sebarang notis. Pihak pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan di kawasan yang melibatkan kenderaan serta aktiviti yang dijalankan di tapak.

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Tanjong Malim serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim seperti di lampiran.





Ruj. Kami : KUDR/LAP/B/06/25/0629 (15)
Tarikh : 20 Julai 2025

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN IZIN LALU UNTUK BEKALAN AIR SEMENTARA UNTUK
PROJEK SKIM PERUMAHAN**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nor Ain Natasya Binti Nor Azam** di talian **017-4436455** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/28072025/Wan/Natasya

salinan kepada:

- 1. Yang Dipertua,**
Majlis Daerah Tanjong Malim,
Jalan Wawasan Dagangan 5,
Bandar Behrang,
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Ketua Jabatan Kejuruteraan)